

# Sekapur Sirih



## **PROFESOR MADYA DR MUHAMMAD FAISHAL IBRAHIM**

Setiausaha Parlimen  
Kementerian Pendidikan & Kementerian  
Pembangunan Sosial dan Keluarga

---

Cabaran dalam dunia pendidikan sering berubah. Apatah lagi dalam era dunia tanpa sempadan ini. Pelajar kita disajikan dengan pelbagai sumber informasi yang cukup luas dan pelbagai. Dalam situasi ini, kita perlu membantu pelajar kita menangani ledakan informasi selaras dengan keperluan pembelajaran di sekolah. Tidak hairanlah jika sekolah-sekolah kita menyediakan pendidikan yang bersifat holistik untuk menyediakan pelajar mengharungi kehidupan global yang semakin mencabar. Untuk berjaya dalam usaha ini, keberkesanan peranan guru menjadi semakin penting. Guru perlu terus kekal relevan dengan meningkatkan ilmu dan kemahiran pengajaran dari masa ke masa.

Para guru Bahasa Melayu gigih mempertingkatkan diri melalui kursus dan program pembangunan profesional yang lain untuk membantu anak didik kita dalam pembelajaran mereka di bilik darjah. Keperluan guru-guru kita ini perlu terus disokong dengan memberikan ruang dan peluang kepada mereka untuk menimba dan berkongsi ilmu. Saya gembira kerana Seminar Bahasa Melayu yang dianjurkan secara tahunan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura telah diterima sebagai salah satu wadah utama oleh para guru Bahasa Melayu untuk meraih dan berkongsi ilmu dan hasil kajian berasaskan sekolah dan bilik darjah. Pembudayaan melaksanakan kajian dalam kalangan guru pasti akan membantu meningkatkan keupayaan pembelajaran anak didik kita.

“Menjana Inovasi, Memarak Inspirasi” telah dipilih sebagai tema Seminar Bahasa Melayu 2016. Tema ini amat bersesuaian dengan inisiatif MOE untuk menyediakan anak didik kita mengharungi hidup dalam abad ke-21 di samping membangunkan sahsiah pelajar-pelajar kita agar berani berinovasi untuk memperbaiki dan menjadikan kehidupan mereka bermakna.

Syabas saya ucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura kerana telah berjaya menganjurkan seminar tahunan ini. Tahniah kepada guru-guru pembentang kertas kerja dan peserta seminar tahun ini. Semoga manfaat yang diraih dan dapatan yang dikongsi semasa seminar ini dapat ditambah nilai dan diperluaskan semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

Terima kasih dan selamat berseminar.



# Seulas Pinang

## **MOHAMED NOH DAIFI**

Pengarah, Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura



Guru sering menjadi inspirasi bagi para pelajar. Malah, guru yang berkesan dapat mempengaruhi pelajar untuk membina sahsiah mereka agar menjadi lebih baik. Tidak hairanlah jika seorang karyawan atau pekerja biasa masih menyebut-nyebut nama guru yang pernah mendidik mereka di sekolah satu masa dahulu. Apatah lagi jika pengajaran guru di bilik darjah meninggalkan kesan dan pengalaman pembelajaran yang menarik di sanubari dan tersemat di minda mereka. Untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran menarik, guru perlu berinovasi ketika merancang pelajaran dan mengajar di bilik darjah.

Tema Seminar Bahasa Melayu 2016 adalah “**Menjana Inovasi, Memarak Inspirasi**”. Tema ini selaras dengan seruan supaya kita bergerak dari landasan ‘menambah nilai’ (*value-adding*) kepada ‘mencipta nilai’ (*value-creating*). Kita digalakkan untuk membina keupayaan mensintisis, meneliti pola, mengenal pasti peluang, berani mengambil risiko, tidak takut gagal, belajar daripada kesilapan dan tidak keliru apabila berada dalam suasana yang tidak menentu.

Pada tahun ini, sebanyak 48 kertas kajian akan disampaikan oleh lebih daripada 147 orang guru sekolah rendah, menengah dan maktab rendah. Jumlah ini merupakan jumlah yang paling tinggi untuk penerimaan kertas kajian dan guru penyampai. Hal ini mencerminkan iltizam guru Bahasa Melayu yang mahu terus memperbaiki pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Ia juga menunjukkan semangat inovasi dalam menghadapi dan menyelesaikan cabaran-cabaran pembelajaran yang dihadapi oleh para pelajar mereka.

Untuk memastikan kertas kajian yang disiapkan oleh guru terus bermutu, Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) telah menganjurkan bengkel Penulisan Kertas Kajian. Seperti tahun lalu, semua kertas kajian yang disampaikan mempunyai peluang untuk dipilih bagi Program Persidangan Serantau.

Semoga Seminar Bahasa Melayu akan terus menjadi pemangkin untuk kita sama-sama meneroka, menambah baik dan melakukan inovasi bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di negara kita.

